

07 JAN 2004

Muhyiddin-Profil

PELANTIKAN MUHYIDDIN LANGKAH PERTINGKATKAN SEKTOR PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Pelantikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Pertanian dianggap satu langkah bermakna dalam usaha kerajaan meningkatkan lagi sektor pertanian negara.

Seperti yang diperjelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas pelantikan itu, Muhyiddin diyakini mempunyai keupayaan untuk menjadikan sektor pertanian pemain peranan penting dalam arus perdana pembangunan.

Terkenal dengan panggilan "Anak Mat Yassin", Muhyiddin pernah pada suatu ketika membuat kejutan besar dengan mengalahkan bekas Menteri Besar Johor Tan Sri Othman Saat sebagai Ketua Umno Bahagian Pagoh pada pemilihan parti 1985.

Bintang cerah dalam arena politik itu sejak itu tidak lagi menoleh ke belakang.

Walaupun pada ketika-ketika tertentu beliau sendiri pernah mengakui agak keberatan untuk menjadi ahli politik, Muhyiddin, 53, telah mencipta nama tersendiri sebagai seorang pemimpin yang berpandangan jauh dan pragmatik.

Selepas memperolehi ijazah ekonomi daripada Universiti Malaya pada 1969, Muhyiddin menyertai perkhidmatan tadbir negeri Johor dan menjadi Penolong Pegawai Daerah Muar daripada tahun 1971 hingga 1974.

Anak kelahiran Muar itu meninggalkan perkhidmatan awam pada 1974 untuk memegang jawatan Pengurus Perjawatan di sebuah firma elektronik. Beliau menyertai Perbadanan Pembangunan Ekonomi Johor dengan mengetuai sebuah anak syarikatnya Sergam Berhad sebelum meletakkan jawatan pada 1977.

Muhyiddin memulakan kerjaya politiknya sejak 1970 dengan menyandang jawatan bendahari Umno Bahagian Muar-Pagoh, diikuti dengan naib ketua pada

1975.

Beliau juga pernah mengetuai Pergerakan Pemuda Umno Pagoh dan Setiausaha Perhubungan Umno Johor pada 1976 sebelum terpilih sebagai Naib

Ketua Pergerakan Pemuda negeri pada 1977.

Beliau bertanding dan menang kerusi Parlimen Pagoh pada pilihan raya

umum 1978. Pada Julai 1981 beliau dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian

Luar dalam kabinet bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Muhyiddin mempertahankan kerusi Pagoh pada pilihan raya umum 1982 dan

dilantik Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian berikutan rombakan

kabinet oleh Dr Mahathir pada Jun 1983.

Kepintaran politik dan kepimpinan Muhyiddin mungkin terpamer dengan

begitu ketara pada pemilihan Majlis Tertinggi Umno pada 1986 apabila beliau

memperolehi undi kedua tertinggi.

Beliau kemudian dilantik Menteri Besar Johor di antara 1986 dan 1995.

Prestasi beliau ketika memegang jawatan itu amat cemerlang, terutama dengan

keupayaannya meletakkan Johor di barisan depan pembangunan negara.

Muhyiddin seterusnya dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan daripada

1995 hingga 1999, disusuli pula dengan jawatan Menteri Perdagangan Dalam

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, sehingga pelantikan barunya sebagai Menteri

Pertanian hari ini.

Dunia politiknya, bagaimanapun, bukan tiada jatuh bangunnya.

Beliau

tewas dalam cubaan pertamanya untuk jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan 1990. Bagaimanapun, cubaannya untuk jawatan itu berjaya

pada

pemilihan 1993 dengan memperolehi undi tertinggi.

Namun, pada pemilihan 1996, nasib tidak menyebelahnya apabila gagal

mempertahankan jawatan itu dengan menduduki tempat keenam daripada tujuh

calon.

Pendek, agak gempal tetapi bergaya, Muhyiddin memperolehi semula jawatan Naib Presiden Umno pada pemilihan tahun 2000 dengan mendapat

undi

ketiga tertinggi.

Muhyiddin berkahwin dengan Puan Sri Norainee Abdul Rahman dan dikurniakan dua anak lelaki serta dua anak perempuan.

-- BERNAMA

HS NM